



Lela menyerahkan

AHMAD TAJUDDIN SULAIMAN (kanan) diiringi Dr. Mohamad Said Mat menyerahkan komputer riba kepada Siti Hawa Apandi di UMP, Kuantan semalam.

Pelajar OKU UMP dapat Sumbangan komputer riba

KUANTAN - Satu-satunya pelajar daripada golongan orang kurang upaya (OKU) di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Siti Hawa Apandi menerima komputer riba dan mesin pencetak bagi kemudahan pembelajarannya semalam.

Ia merupakan sumbangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lepar, Datuk Ahmad Tajuddin Sulaiman yang merupakan wakil rakyat di kawasan tempat tinggal keluarga Siti Hawa.

Bagi Siti Hawa, 18, beliau begitu gembira dengan pem-

berian komputer riba dan mesin pencetak itu kerana ia bakal memudahkannya mengu-
langkaji pelajaran di asrama.

"Saya gembira menerima hadiah ini, terima kasih juga kepada rakan-rakan sekelas yang banyak tolong, sepanjang dua bulan saya belajar di sini," katanya ketika ditemui semalam.

Majlis penyerahan sumbangan tersebut yang diadakan di Kampus UMP di Gambang, di sini semalam turut dihadiri Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela dan Ahmad Tajuddin

sendiri menyerahkan kompu-
ter riba dan mesin pencetak kepada Siti Hawa.

Dr. Mohamed Said berka-
ta, pihak Fakulti Mekanikal UMP kini sedang dalam pro-
ses menghasilkan kerusi roda elektrik khas buat Siti Hawa bagi memudahkan pergerakan hariannya.

Siti Hawa yang menghidap penyakit *spinalmuscular ath-
rophy* sejak lahir dan menye-
babkannya lumpuh dari ping-
gang ke kaki memulakan pen-
gajian dalam jurusan Diplo-
ma Sains Komputer di UMP pada 29 Jun lalu.

KOSMO (TIMUR) Khamis 13/9/07

pg. 13